

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH
BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi memastikan setiap rakyat negara ini mampu memiliki rumah sendiri khususnya golongan muda dan rakyat berpendapatan rendah B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara inisiatif Kementerian dan kerajaan bagi memastikan setiap rakyat negara ini mampu memiliki rumah sendiri khususnya golongan muda dan rakyat berpendapatan rendah (B40) adalah seperti berikut:

- i. **Inisiatif Penyediaan Rumah kepada golongan B40 oleh KPKT**
 - a) **Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki** menyediakan perumahan kepada golongan B40 yang berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah termasuklah golongan muda untuk memiliki rumah PPR Dimiliki pada harga jualan yang sangat rendah iaitu RM35,000 seunit bagi Semenanjung Malaysia dan RM42,000 seunit bagi Sabah dan Sarawak: dan
 - b) **Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) 2020 Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)** menyediakan perumahan kepada golongan B40 yang berpendapatan bulanan RM750 hingga RM3,000 termasuklah golongan muda untuk membina rumah di atas tanah sendiri pada harga RM75,000 di mana RM20,000 disubsidi oleh Kerajaan manakala baki RM55,000 dibiayai melalui pinjaman yang ditawarkan oleh SPNB dengan bayaran balik serendah RM300 sebulan serta tempoh pembayaran balik yang lebih singkat.

- ii. Inisiatif pembiayaan perumahan oleh kerajaan kepada golongan B40
- a) **Pemanjangan tempoh pembiayaan perumahan sektor awam di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)** di mana tempoh pembiayaan pertama daripada 30 tahun dipanjangkan kepada 35 tahun dan tempoh pembiayaan kedua daripada 25 tahun dipanjangkan kepada 30 tahun yang membantu merendahkan kadar bayaran bulanan oleh peminjam terutamanya kakitangan kerajaan yang berpendapatan rendah; dan
 - b) **Jaminan Cagamas Skim Rumah Pertama (SRP) Berhad** untuk membantu golongan muda yang berpendapatan RM3,000 sebulan dan ke bawah untuk memiliki rumah di mana Cagamas SRP akan menjamin 10% (dari 90% hingga 100%) daripada pembiayaan berkenaan.
 - c) **Skim pembiayaan kewangan fleksi** yang menawarkan pakej pinjaman menyeluruh merangkumi pembayaran berperingkat dan pembeli yang layak membayar ansuran bulanan pinjaman rumah yang lebih rendah daripada pinjaman biasa. Antara syarat untuk permohonan skim ini adalah pendapatan isi rumah RM5,000 dan ke bawah serta bagi hartanah bernilai sehingga RM300,000;

Sekian, terima kasih.